

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Zulhijjah 1445H/ Jun 2024

ACIS

HIKMAH DAN FALSAFAH SERTA PERBAHASAN HUKUM BERKENAAN IBADAH HAJI

Panduan Ringkas Hukum Hakam Ibadat Korban 6
Bermazhab dan Bertaklid dalam Islam 7
Kematian yang dicemburui 9

eISSN 2600-8289



9 77 2600 8280 01

Lawatan PDPH ke Yakult Factory Malaysia



Oleh:

Wan Ahmad Syakir bin W. Hassan

Pelajar Diploma Pengurusan Halal, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Dr Nabilah Huda binti Zaim

Pensyarah kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Isnin 27 Mei 2024 – Persatuan Diploma Pengurusan Halal menganjurkan lawatan ke Yakult Factory Malaysia, Seremban. Pada jam 9.15 pagi hari tersebut, para peserta dikehendaki berkumpul di Anjung, UiTM Kuala Pilah untuk sesi taklimat ringkas, menaiki bas dan pemberian sarapan seperti roti dan air mineral untuk setiap 34 orang peserta. Bas mula bertolak pada jam 9.30 pagi dan tiba di Yakult Factory Malaysia pada jam 10.45 pagi tetapi perlu menunggu dan mengambil gambar peserta di pintu masuk Yakult Factory sehingga jam 11.00 pagi untuk masuk ke kilang Yakult bagi memulakan sesi lawatan.

Pada jam 11.00 pagi, para peserta dibenarkan masuk untuk memulakan lawatan dengan dikawal oleh seorang pekerja Yakult Factory. Para peserta diberikan taklimat selama 30 minit berkaitan latar belakang, pembuatan, kebaikan, pemberian Yakult secara percuma dan sesi soal jawab berkaitan Yakult. Selepas itu, pada jam 11.35 pagi, para peserta melihat pelbagai jenis produk Yakult di seluruh dunia dan melihat cara pembuatan susu Yakult. Para peserta dapat melihat pemrosesan susu Yakult dari awal hingga menjadi produk akhir. Manakala, para peserta juga dapat pengetahuan

pemrosesan botol Yakult yang diperbuat daripada beras. Akan tetapi, proses pengeluaran menjadi tergendala kerana mempunyai masalah di bahagian pembungkusan.

Pada jam 12.10 tengahari, sesi pembelian merchandise Yakult berjalan dengan lancar. Peserta yang ingin membeli merchandise Yakult beratur dengan teratur dan peserta yang lain berehat dan mengambil gambar untuk kenang-kenangan sekali gus selesainya Lawatan di Yakult Factory Malaysia. Setibanya bas pada jam 12.45, para peserta bergerak menaiki bas dan menuju ke masjid untuk solat Zohor serta makan tengah hari. Tiba di masjid pada jam 1.10 petang, para peserta pun turun dan diberikan masa rehat sehingga jam 2.30 petang. Tepat jam 2.30 petang, para peserta menaiki bas dan pulang ke kediaman masing-masing sama ada berhenti di KTM Seremban, Terminal One Seremban atau Kampus UiTM Kuala Pilah. Bersurai.

